

## GRACE 2025 (GATHERING OF RECOGNITION, APPRECIATION, COLLABORATION AND EXCELLENT)

KUALA TERENGGANU, 20 Disember 2025— Tourism Malaysia Wilayah Timur hari ini menganjurkan program **GRACE 2025** (*Gathering of Recognition, Appreciation, Collaboration and Excellent 2025*) bertempat di Hotel Paya Bunga, Kuala Terengganu.

Penganjuran GRACE 2025 bertujuan mengiktiraf peranan serta sumbangan besar rakan industri pelancongan yang telah bekerjasama erat dengan Tourism Malaysia Wilayah Timur. Kerjasama strategik ini merupakan tunjang utama dalam usaha membangun, mempromosi dan memasarkan Pantai Timur sebagai destinasi percutian pilihan utama di Malaysia.

Sektor pelancongan terus menunjukkan momentum pertumbuhan yang memberangsangkan apabila Malaysia mencatatkan ketibaan 28.2 juta pelawat antarabangsa bagi tempoh Januari hingga Ogos 2025. Pencapaian ini mencerminkan peningkatan signifikan sebanyak 14.5% berbanding tempoh yang sama pada tahun sebelumnya. Peningkatan tersebut menjadi bukti nyata kepada sinergi kolektif yang diraikan melalui program GRACE 2025, sekali gus menonjolkan peranan penting rakan industri di Wilayah Pantai Timur dalam memperkukuh daya tarikan Malaysia sebagai destinasi global pilihan.

Dalam usaha memperkasa sektor pelancongan di Wilayah Pantai Timur, Tourism Malaysia sentiasa menjalinkan kerjasama strategik bersama pemain industri dan pemegang taruh yang terdiri dari pengusaha agensi pengembaraan dan pelancongan, pemilik produk,

penyedia penginapan, syarikat penerbangan, penganjur acara, badan bukan kerajaan (NGO), aktivis pelancongan, serta kerajaan negeri. Kerjasama ini dilaksanakan menerusi pelbagai inisiatif seperti bengkel, khidmat nasihat, sesi libat urus, pameran, misi jualan, serta program galakan dan insentif pelancongan.

Hasil sinergi bersepadu sepanjang tahun 2025, Tourism Malaysia Wilayah Timur bersama-sama rakan industri **telah berjaya membangunkan sebanyak 145 pakej percutian** yang dilancarkan secara rasmi sempena GRACE 2025. Pakej-pakej eksklusif ini merangkumi keunikan produk Pantai Timur seperti segmen ekopelancongan, pengembaraan lasak, gastronomi, budaya dan warisan, serta pelancongan minat khas.

Kepelbagaian aktiviti ini direka khusus bagi memenuhi keperluan pasaran domestik serta antarabangsa, sekaligus menjadi pemangkin utama dalam merencanakan kempen **Tahun Melawat Malaysia (VM2026)** yang menyasarkan ketibaan **47 juta pelawat antarabangsa** selain merangsang lonjakan drastik dalam pelancongan domestik. Melalui kecemerlangan dan kerjasama berterusan para pemegang taruh yang diiktiraf pada majlis GRACE 2025, Wilayah Pantai Timur kini bersedia untuk menjadi teraju utama kepada kejayaan nasional tersebut.

Selain itu, GRACE 2025 turut memberi pengiktirafan khas kepada pengamal media merangkumi media cetak, elektronik dan digital atas sumbangan berterusan mereka dalam memperluas hebahan dan promosi Wilayah Pantai Timur sebagai destinasi percutian pilihan. Peranan media terbukti amat signifikan dalam menjayakan inisiatif promosi Tourism Malaysia Wilayah Timur, sekaligus menjadi tulang belakang kepada kejayaan pelaksanaan **VM2026**.

Pengiktirafan dan apresiasi yang dizahirkan melalui GRACE 2025 mencerminkan komitmen berterusan Tourism Malaysia dalam memperkukuh kerjasama strategik bersama rakan industri. Usaha ini sekali gus mendukung aspirasi kerajaan untuk memartabatkan Malaysia secara amnya dan Wilayah Timur secara khususnya sebagai destinasi pelancongan unggul yang berdaya saing di persada global.

**TAMAT**

## Tourism Malaysia

Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia atau Tourism Malaysia ialah sebuah agensi di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, Malaysia. Tourism Malaysia giat memfokuskan kepada tugas khusus untuk mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan pilihan. Sejak penubuhannya, Tourism Malaysia telah muncul sebagai pemain utama dalam industri pelancongan antarabangsa. Penganjuran kempen Melawat Malaysia 2026 bakal meraikan kelestarian industri pelancongan negara seiring dengan Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSDG).

Selain itu, Tourism Malaysia turut menyokong Segi Tiga Pertumbuhan Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT) ke arah merealisasikan Tahun Melawat IMT-GT 2023-2025 bagi mempromosikan wilayah serantau sebagai destinasi pelancongan tunggal. Untuk maklumat lanjut, layari akaun media sosial Tourism Malaysia di [Facebook](#), [Instagram](#), [X](#), [YouTube](#), dan [TikTok](#).

**Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:**

**Ahmad Junaidy bin Yahaya**  
Timbalan Pengarah  
Pejabat Wilayah Timur  
[ajunaidy@tourism.gov.my](mailto:ajunaidy@tourism.gov.my)  
Tel: +609 567 7112

**Norshariza Mohd Saad**  
Timbalan Pengarah  
Bahagian Komunikasi Korporat  
[norshariza@tourism.gov.my](mailto:norshariza@tourism.gov.my)  
Tel: +603 8891 8775